

05 OCT 2003

Mahathir-Penghargaan

SIDANG KEMUNCAK ASEAN BERI PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 5 Okt (Bernama) -- Perhimpunan para pemimpin Asean minggu depan di pulau peranginan popular Indonesia, Bali, akan mencatat sejarah kerana mereka akan merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara akhir bulan ini selepas 22 tahun mengemudi negara mencapai kemajuan.

Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, akan mengambil waktu buat seketika selepas menandatangani Perjanjian bersejarah Bali II di kalangan pemimpin itu pada Selasa, untuk menyampaikan penghargaan kepada jurucakap Asia Baru ini, yang idea, kebijaksanaan dan wawasannya telah menjadi sumber inspirasi kepada ramai orang.

Dr Mahathir, 78, yang berada di tampuk kepimpinan sejak 1981, mengejutkan negara dengan pengumuman untuk bersara pada Jun tahun lepas. Beliau kemudian bersetuju meneruskan memimpin kerajaan sehingga bulan ini bagi memastikan peralihan kuasa yang lancar dan teratur kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ini, sumbangan Dr Mahathir akan dihargai dalam bentuk sebuah tanda mata yang akan disampaikan oleh presiden Indonesia itu sebagai pengerusi kumpulan serantau itu buat masa ini.

Bersama Dr Mahathir, Asean telah mengambil peranan yang lebih bertenaga dan dominan, menikmati kedudukan setaraf dengan perkumpulan lain di dunia dan Asean juga menerima masuk Myanmar, Kemboja dan Laos sebagai anggotanya maka memperluaskan lingkungan pengaruh dan sempadannya.

Hari ini, Asean menjadi satu perkumpulan yang disegani. Daripada sebuah persatuan yang dianggotai jiran terdekat, ia berubah menjadi sebuah entiti yang kukuh dan mewujudkan kerjasama ekonomi dengan rakan dialog utama seperti Jepun, Korea Selatan dan China di bawah ASEAN+3.

Dr Mahathir merupakan orangnya yang mengusahakan dan menggesa bagi diwujudkan ASEAN+3, satu idea yang beliau cadangkan pada 1990 sebagai usaha menyeimbangkan blok dagangan yang dibentuk di Eropah dan Amerika Utara.

Dr M seperti yang beliau lebih dikenali, tidak akan lagi menjadi tumpuan utama Asean selepas beliau bersara, tetapi setelah mengukir nama sebagai ikon dunia, idea dan pandangannya akan sentiasa didapatkan selepas ini.

Malahan semakin hampir waktunya Malaysia akan mengalu-alukan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui negara, beliau terus menjadi cahaya penerang kepada anggota Asean maju ke depan menghadapi cabaran mendatang.

Dr Mahathir telah mencadangkan baru-baru ini bagi negara Asia Timur memberikan nama yang wajar bagi kumpulan serantau mereka dan jangan lagi cuba bersembunyi di belakang gelaran "ASEAN plus three".

Sepuluh anggota Asean dan jiran mereka di Timur Laut Asia -- China, Jepun dan Korea Selatan -- sedang mengadakan sidang kemuncak tahunan di sini. Pemimpin-pemimpin akan bermesyuarat selama dua hari dari Selasa.

Dr Mahathir berkata beliau mahu melihat kumpulan itu diberi nama baru iaitu Kumpulan Ekonomi Asia Timur dan menurutnya nama Asean+3 mempunyai nilai dan ciri tersendiri yang pada ketika itu para anggotanya bimbang akan menjejaskan pihak luar dengan peningkatan semangat perpaduan mereka.

"Kita amat gembira sekiranya kita berhenti berselindung di belakang gelaran palsu ini dan mengelar diri kita Kumpulan Ekonomi Asia Timur," katanya pada sidang media mengenai rantau itu yang dianjurkan oleh Institut

Strategi dan Kajian Antarabangsa Malaysia.

Wujud rasa takut di kalangan sesetengah orang dan saya tidak tahu sama ada mereka akan menerima idea ini, kata Dr Mahathir, yang pertama kali mencadangkan penubuhan perkumpulan seumpama itu pada 1990 sebagai timbal balas terhadap blok-blok perdagangan yang ditubuhkan di Eropah dan Amerika Utara.

"Negara-negara Asia Timur boleh menyatakan secara terbuka bahawa mereka mahu menubuhkan satu perkumpulan seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara dan Komuniti Eropah," katanya.

China dan Asean telah menetapkan usul perancangan bagi kawasan perdagangan bebas menjelang 2010, yang akan menyelaraskan pasaran 1.7 bilion orang dan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara US\$1.5 trilion dan US\$2 trilion.

Jepun juga mahu berbuat demikian.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan tiba di "Island of Gods" ini tengah hari esok bagi sidang kemuncak pemimpin-pemimpin yang mempunyai aturcara sibuk.

Sebelum sidang kemuncak itu, beliau akan mengunjungi Presiden Megawati pada Isnin. Beliau juga dijadual untuk menerima kunjungan Perdana Menteri Myanmar Jen Khyin Nyunt, diikuti oleh Setiausaha Agung Asean Ong Keng Yong.

Selepas jamuan malam bagi Ketua-Ketua Kerajaan Asean, Dr Mahathir akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pemegang saham bagi penubuhan syarikat antarabangsa tiga pihak antara Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Beliau juga akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Korea Selatan Roh Moo-Hyun, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai dan Perdana Menteri China Wen Jiabao pada Selasa.

Oleh kerana sidang kemuncak ini merupakan yang terakhir dihadiri oleh Dr Mahathir selaku Perdana Menteri Malaysia, beliau terus menjadi tumpuan dan tarikan bagi media asing yang membuat liputan sidang kemuncak itu.

Menurut pegawai Malaysia, lebih 30 permohonan bagi temuramah diterima daripada media asing.

Bagaimanapun, berikutan permohonan yang banyak itu, sidang media bersama telah diatitkan bagi mereka pada Rabu.

-- BERNAMA

SS OPP RHM